

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 12/7/2010

PBB tidak upaya selesai isu Palestin, AS hanya boneka Israel – Halliday

KUALA LUMPUR 11 Julai – Bekas Penolong Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Denis J. Halliday (**gambar**) berkata, pertubuhan dunia itu tidak lagi berupaya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi penduduk Palestin berikutan sekatan berterusan Israel ke atas negara Arab tersebut.



Katanya, keadaan itu disebabkan lima negara anggota Majlis Keselamatan PBB iaitu Amerika Syarikat (AS), Rusia, United Kingdom, Perancis dan China kini tidak berminat menyelesaikan isu tersebut sebaliknya hanya mahu menjaga kepen-

tingan negara masing-masing.

Justeru, katanya, suara anggota lain Perhimpunan Agung PBB yang berusaha mewujudkan keamanan di bumi Palestin tidak akan dilayan serta diambil kira oleh lima kuasa itu.

Menurutnya, selagi lima negara itu tidak mahu menyelesaikan masalah penduduk Palestin dengan bersungguh-sungguh, keamanan di negara Arab berkenaan tidak akan kesampaian.

Lebih memburukkan keadaan, jelasnya, kuasa terbesar dunia iaitu AS yang kini diterajui Presiden Barack

Obama hanya merupakan boneka kepada kuasa-kuasa perniagaan dan kompleks ketenteraan negara itu yang kebanyakannya diterajui oleh tokoh-tokoh berasal dari Israel.

“PBB kini tiada kekuatan, tiada keberanian, tiada kemahuan, tidak berani dan tiada ketua yang boleh mengepalai negara-negara anggota (menyelesaikan isu Palestin),” katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas mengambil bahagian dalam forum bertajuk *Kebebasan Flotilla-Pengalaman Saksi* sempena Persidangan Memecahkan Sekatan: Semangat Rachel Corrie dan Mavi Marmara anjuran Pertubuhan Keamanan Sedunia Perdana (PGPO) di sini hari ini.

Halliday menambah, bagi menyelesaikan isu Palestin, semua kuasa dunia dari Timur termasuk negara dari Amerika Latin dan Sahara kini perlu berpadu tenaga memecahkan kuasa Barat terutama lima negara Majlis Keselamatan PBB itu.

Dalam perkara itu, beliau turut memuji langkah Malaysia dan PGPO yang dilihat bersungguh-sungguh membantu rakyat Palestin melalui misi keamanan, pengumpulan dana serta penghantaran sukarelawan ke sana.

“Malaysia menerusi PGPO dan Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menunjukkan kesungguhan dan mengetuai negara ASEAN memperjuangkan nasib rakyat Palestin semen-

tara rakyatnya (Malaysia) saya perhatikan memang sentiasa bermurah hati menyampaikan bantuan,” katanya.

Selain pernah menjadi Penolong Setiausaha Agung PBB, Halliday juga merupakan Koordinator Kemanusiaan PBB di Iraq dari 1997 sehingga 1998.

Beliau melepaskan jawatan di PBB pada 1998 kerana tidak bersetuju keputusan badan dunia tersebut melaksanakan sekatan ekonomi ke atas Iraq pada tahun tersebut yang disifatkannya sebagai program ‘pembunuhan beramai-ramai’ ke atas negara itu.

Beliau kini merupakan Ahli Panel Penasihat Antarabangsa PGPO.